



RUMUSAN BERITA MINGGUAN

WEEKLY NEWS BRIEF

Edisi 1/2019

19-26 Februari 2019

DALAM NEGARA

- *Isu DAP-Tun Mahathir*
- *Filipina kekal pendirian tuntutan Sabah*
- *China menawarkan Bon Panda kepada Malaysia*
- *Pasukan perunding projek ECRL tiba dari China*
- *Pengurangan penjawat awam*
- *Deflasi pertama negara sejak 2009*
- *Tun Mahathir mahu ATM tingkatkan kecekapan risikan*

LUAR NEGARA

- *Peningkatan Aset Ketenteraan Singapura*

**IRIS**
INSTITUTE

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

19-26 Feb 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rumusan mingguan edisi ini menyentuh beberapa isu utama dalam dan luar negara yang memberi implikasi politik ekonomi dan juga keselamatan.

Bagi rumusan berita dalam negara, isu bagi politik adalah berkenaan isu konflik antara DAP-Mahathir, isu pengurangan jumlah penjawat awam juga isu pertikaian sempadan Sabah-Filipina. Bagi ekonomi pula, berita yang dipantau adalah perkembangan terkini pelaburan China di Malaysia, melibatkan projek ECRL dan Bon Panda serta isu penstrukturan semula model ekonomi negara oleh Tun Mahathir dan prestasi terkini ekonomi negara.

Manakala antara isu keselamatan yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan saranan Tun Mahathir agar ATM meningkatkan keupayaan risikan dalam menangani ancaman keganasan dan juga kerjasama agensi risikan antara Singapura dan Malaysia. Bagi rumusan berita luar negara, isu yang dipantau adalah berkaitan peningkatan aset ketenteraan Singapura. Antaranya adalah berkenaan penubuhan Sekolah Siber Tentera, pembinaan pusat latihan seluas 300,000 hektar Singapura di Queensland, Australia, dan pembelian Kapal Selam Sweeden oleh angkatan tentera laut Singapura.

INSTITUTE

DALAM NEGARA

Politik Malaysia: Konflik pakatan

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dilihat semakin berkonflik apabila **DAP mengugut untuk keluar daripada PH** jika pakatan tersebut tidak mampu mencapai objektif Malaysia Baru menurut Lim Kit Siang. Hal ini dikeruhkan lagi dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh ahli dewan undangan negeri (Adun) DAP Johor, Dr Boo Cheng Hau. Beliau meminta agar Tun Mahathir segera meletakkan jawatan kerana tidak berjaya menunaikan manifesto. DAP masih belum membuat kenyataan bagi menafikan kenyataan Boo samada kenyataan beliau merupakan sesuatu yang rasmi daripada parti ataupun hanyalah pendapat individu semata.

Dalam masa yang sama, **Kerajaan cuba mengurangkan jumlah penjawat awam**. Tun Mahathir menegaskan jumlah penjawat awam seramai 1.7 juta orang adalah terlalu besar dan perlu dikurangkan. Jumlah berkenaan meningkat dengan mendadak sejak beliau meninggalkan pentadbiran negara pada tahun 2003. Tambahan lagi, Tun Mahathir mencadangkan supaya pengurangan tenaga kerja tersebut boleh disalurkan kepada sektor pembuatan supaya lebih ramai yang menyertai sektor swasta. Wujud kemungkinan tindakan tersebut adalah bertujuan untuk membuang saki baki penjawat yang berpihak kepada UMNO dalam masa yang sama memacu ekonomi negara.

Manakala di negeri Sabah pula, kerajaan **Filipina kekal pendirian untuk menuntut wilayah Sabah** ke dalam Filipina. Perkembangan isu tuntutan tersebut boleh dilihat ketika kunjungan hormat Charles C. Jose, Duta Filipina ke Malaysia bersama delegasinya ke pejabat Shafie Apdal, Ketua Menteri Sabah. Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai penubuhan pejabat Konsul Jeneral Filipina di Malaysia, dan juga isu pertikaian sempadan melibatkan Sabah-Filipina. Walaupun isu tuntutan terhadap Sabah tidak dilakukan secara aktif namun, Kerajaan Filipina tidak berhasrat menggugurkan tuntutan mereka terhadap Sabah menurut Charles C. Jose.



"Saya bersyukur kerana tidak dipilih sebagai calon pada pilihanraya umum yang lalu kerana saya tidak pernah menerima kepimpinan Dr. Mahathir," kata Dr Boo Cheng Hau.

DALAM NEGARA

Ekonomi Malaysia: Petanda ekonomi yang tidak baik

Malaysia mengalami deflasi pertama sejak krisis kewangan global 2009 berikutan penyusutan harga minyak. Indeks Harga pengguna menurun sebanyak 0.7% pada Januari ini selepas berada pada paras di bawah 1% selama beberapa bulan menurut Jabatan Statistik dan Perangkaan Negara. Menurut sumber Bloomberg pula, Ekonomi menguncup pada kadar 0.4% berikutan beberapa faktor antaranya adalah penukaran model subsidi minyak kerajaan dengan mengubah harga minyak setiap minggu dan ini menyebabkan penyusutan 7.8 peratus kos pengangkutan pada Januari berbanding bulan sama tahun lalu. Penurunan kos pengangkutan merupakan penurunan terbesar berbanding kategori lain. Kali terakhir Malaysia mengalami deflasi adalah pada Jun hingga November 2009 dengan ekonomi menguncup

Seterusnya, isu ekonomi yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan **China menawarkan Bon Panda kepada Malaysia**. Baru-baru ini duta besar China ke Malaysia, Bai Tian berkata China Construction Bank mencadangkan untuk menerbitkan bon Panda di China bagi membantu kewangan Malaysia dan ia telah dibentangkan kepada Lim Guan Eng selaku Menteri Kewangan. Sebelum itu, Malaysia telah bersetuju untuk menerbitkan Bon Samurai 7.6 Billion Ringgit dengan kadar diskaun kupon sebanyak 0.65% selama 10 tahun. Filipina pada March 2018 pernah menerima tawaran Bon Panda sebanyak 1.46 billion Yuan dengan kadar diskaun kupon sebanyak 5%. Penganalisis mengatakan bahawa Malaysia akan mengalami masalah hutang yang sama jika menerima tawaran Bon Panda ini kerana jumlah diskaun kupon adalah tinggi.

Di samping itu, **China telah menghantar sebuah pasukan bagi melakukan rundingan semula bagi projek ECRL**. Pasukan perunding tersebut akan tiba dari China pada minggu ini untuk berunding dengan Daim Zainuddin bagi membincangkan kos semula projek ECRL. Menurut Daim pada sebelum ini, kos ECRL sepatutnya boleh diperolehi dengan harga yang lebih murah berbanding kos asal yang berkemungkinan melebihi RM 66 billion. Dalam masa yang sama manfaat yang lebih besar boleh dinikmati oleh Malaysia khususnya bagi



"Ia bukan seperti bon Samurai, yang mana kertas kerja telah dibentangkan kepada Kabinet dan diluluskan," katta Lim Guan Eng.

DALAM NEGARA

pembayaran faedah tahunan yang lebih rendah, pengurangan pengaliran keluar mata wang negara, serta meningkatnya peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Keselamatan Malaysia: Peningkatan keupayaan dan jaringan keselamatan negara



"Malaysia tidak akan berpihak dalam persaingan kuasa besar dan tidak akan bergantung kepada pakatan ketenteraan atau perkongsian strategik di rantau ini", Kata Tun Mahathir.

Tun Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) meningkatkan kecekapan risikan dalam menghadapi ancaman keganasan yang lebih kompleks dan mencabar yang mana ancaman peperangan di Malaysia tidak seperti ancaman di negara lain yang kemungkinan akan diserang oleh negara jiran atau kuasa besar. Mahathir dipetik menyebut;

"Kini persediaan kita tertumpu kepada maklumat perisikan di mana perlu lebih awal lagi mengenal pasti kemungkinan seseorang untuk menjadi penganas kerana seseorang itu mungkin dilatih atau ada hubungan rapat dengan puak penganas."

Pada masa sama, ancaman yang dihadapi ini adalah berkait rapat dengan kedudukan Malaysia yang strategik dan beliau turut menyatakan kedudukan tersebut memberikan kelebihan kepada negara dari sudut geopolitik serantau dan dunia. Menurutnya lagi, kejayaan

DALAM NEGARA

memerangi pengganas bukan bergantung kepada keupayaan Malaysia dalam peperangan tetapi lebih tertumpu kepada keupayaan Malaysia menyelidik dan mendapat maklumat lebih awal untuk membanteras keganasan. Tun Mahathir berkata demikian ketika sesi dialog bersama warga Kementerian Pertahanan sempena lawatan pertamanya sebagai Perdana Menteri ke-7 di Auditorium Kementerian Pertahanan pada 21 Feb 2019.

Dalam satu persidangan lain bertajuk Stand with Yemen pada 23 Feb 2019, Mahathir dipetik berkata **Malaysia tidak akan berpihak dalam persaingan kuasa besar** dan tidak akan bergantung kepada pakatan ketenteraan atau perkongsian strategik di rantau ini. Malaysia katanya lagi akan bekerjasama dengan ASEAN dalam meningkatkan taraf kerangka kerja sedia ada dan tidak akan membuka ruang campur tangan kuasa besar untuk memastikan persaingan yang semakin meningkat antara Amerika Syarikat dan China tidak menjejaskan rantau ini

Sementara itu, berita melaporkan bahawa wujud **kerjasama agensi perisikan** negara antara Malaysia's Special Branch dan Singapore's Internal Security Department dalam mendepani isu jaringan pengganas di rantau Asia Tenggara. Dalam kes yang terbaru, kerjasama ini telah menggagalkan cubaan sekumpulan enam orang yang disyaki pengganas untuk membuat serangan ke atas bangunan Freemason di wilayah Nong Chik, Johor Bharu. Tangkapan telah dibuat sepanjang 19 Disember 2018 sehingga 28 Januari 2019. Enam orang tersebut terdiri daripada 2 orang warga Malaysia manakala 4 orang selebihnya berasal daripada Singapura, Bangladesh, Filipina dan sebuah negara Asia Tenggara yang tidak didedahkan oleh pihak berkuasa.

Warga Singapura yang ditangkap bernama **Kazali Salleh dipercayai mempunyai beberapa perniagaan di Malaysia** terdiri daripada pusat urut, perniagaan kereta terpakai, dan restoran di Johor. Kazali Salleh juga dikatakan menerima arahan untuk merekrut anggota bagi misi serangan ke atas bangunan Freemason daripada ketua pengganas di Malaysia, Akel Zainal, yang dipercayai mempunyai hubungan dengan ISIS. Dua warga Malaysia yang ditangkap mempunyai 3 kes sebelum ini iaitu 1) pernah didakwa menyalurkan dana kepada warga Malaysia yang terlibat misi peperangan di Syria, 2) memberi perlindungan kepada warga Malaysia yang berada di dalam senarai merah Interpol dan 3) pernah mempunyai kes di Australia sehingga dihantar pulang ke Malaysia.. Warga Filipina yang ditangkap pula mempunyai kemahiran persenjataan yang tinggi dan hubungan dengan Furiji Indama iaitu pimpinan Abu Sayyaf (Filipina). Penangkapan ini sekaligus membawa jumlah tangkapan yang terlibat dengan isu pengganas seramai 459 orang semenjak Februari 2013.

LUAR NEGARA



Ketua Umum Angkatan Pertahanan Australia (GEN) Angus Campbell meninjau Pengawal Kehormatan di Kementerian Pertahanan Singapura.

Peningkatan Aset Ketenteraan Singapura

Berita rantau Asia Tenggara menyaksikan beberapa berita penting berkait dengan peningkatan aset ketenteraan Singapura. Antaranya adalah perbincangan Menteri Pertahanan Singapura Dr Ng Eng Hen, dan juga Panglima Angkatan Tentera Australia, General Angus Campbell bertempat di Mindef Singapura. Antara topik yang menjadi perbincangan utama adalah tentang pembinaan Pusat Latihan Ketenteraan Singapura seluas 300,000 hektar yang sedang dibina di Queensland Australia. Pusat ini boleh menempatkan 14,000 orang tentera pada satu-satu masa.

Selain itu, Kementerian Pertahanan Singapura juga melancarkan Sekolah pertahanan Siber pertama mereka di Stagmont Camp di Choa Chu Kang, Singapura. Sekolah ini menerima sejumlah 59 orang pelajar baru dan dijangka meningkat kepada 300 orang. Pelajar-pelajar ini akan menjalani modul latihan awal selama 35 minggu. Kemudian akan menjalani latihan secara mingguan di Singapore Institute of Technology (SIT). Langkah ini dilakukan sebagai sebuah usaha pencegahan pencerobohan data peribadi. Pada tahun 2017 seramai 850 pelatih khidmat negara dan juga staf Mindeff telah dicuri data peribadi mereka.

Singapura juga merupakan negara pertama di rantau Asia Tenggara yang baru sahaja

LUAR NEGARA

membeli kapal selam dengan teknologi paling terkini daripada Sweden. Kapal selam model 218SG yang dibeli dikatakan mempunyai kapasiti senjata yang besar dan teknologi pengendalian yang canggih serta kompleks. Peningkatan keupayaan persenjataan laut oleh Singapura dikatakan mengikuti trend persenjataan laut yang ditunjukkan oleh Korea Selatan dan Australia.

